



SUMBER-SUMBER MAKLUMAT DI MALAYSIA DALAM BIDANG MALAYSIANA

OLEH
AMANAH AHMAD*

Pendahuluan

Bagi tujuan kertas kerja ini definisi Malaysiana yang digunakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia bermaksud semua bahan tidak kira bentuk, tempoh atau bahasa yang dikeluarkan atau diterbitkan di Malaysia; semua bahan tidak kira bentuk, tempoh atau bahasa yang dikeluarkan dan diterbitkan di luar Malaysia yang mana sebahagian besarnya berhubung dengan Malaysia atau penduduknya; dalam dan/atau berhubung dengan Bahasa Malaysia.

Sumber-sumber Terbitan Dan Karya Rujukan Tempatan

Bibliografi dan indeks merupakan karya rujukan yang penting bagi penyelidik kerana ia dapat memandu mereka kepada sumber-sumber rujukan mengenai satu-satu bidang. Di Malaysia perpustakaan-perpustakaan tempatan banyak mengeluarkan senarai bacaan dan bibliografi mengenai koleksi atau bidang perkara tertentu. Perpustakaan Negara Malaysia telah menerbitkan bibliografi tiap-tiap negeri di Malaysia melainkan *Johor: a bibliography* telah diterbitkan oleh perpustakaan Universiti Malaya dan mengeluarkan berbagai bibliografi perkara bagi memudahkan penyelidik membuat rujukan dan penyelidikan. Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia banyak mengeluarkan berbagai bibliografi yang berkaitan dengan pertanian dan Bibliografi Pertanian Malaysia. Selain daripada bibliografi-bibliografi ini bibliografi utama yang perlu dinyatakan di sini ialah *Bibliografi Negara Malaysia*. Ia telah diterbitkan semenjak 1967 oleh Perpustakaan Negara Malaysia mengandungi bahan-bahan perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan diserahkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia mengikut peruntukan Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1966 dan kini di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986. Ia merupakan sumber maklumat terpenting mengenai buku-buku tempatan dan industri buku tempatan.

Selain daripada itu terdapat *Senarai buku-buku bacaan am dan rujukan bagi sekolah-sekolah menengah* keluaran perpustakaan Universiti Malaya, 1970; *Senarai Buku-buku Bahasa Malaysia untuk Perpustakaan Sekolah rendah dan*

menengah keluaran Bahagian Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan semenjak tahun 1980; *Bibliography of bibliographies on Malaysia* oleh Ding Choo Ming, 1981; *Bibliografi dialek Melayu dan bahasa serumpun di Nusantara*, terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1981; *Bibliografi Sastera Melayu tradisional*, keluaran Universiti Kebangsaan Malaysia 1982; *Bibliografi sastera Melayu moden 1925-1980*, keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985. Kesemua bibliografi ini memberi sumbangan penting dalam mencungkil bahan-bahan yang kaya dalam satu-satu bidang.

Indeks umum yang merangkumi berbagai bidang perkara termasuk *Indeks Suratkhbar Malaysia*, terbitan PNM, 1979-, mengindeks artikel-artikel penting berkaitan dengan Malaysia daripada akhbar New Straits Times, Malay Mail, Utusan Malaysia dan Berita Harian. *Indeks Majalah Malaysia* pula menyenaraikan artikel-artikel daripada majalah tempatan yang terpilih dan mempunyai mutu penyelidikan. Ia mula diterbitkan oleh PNM pada tahun 1974. Satu lagi indeks keluaran PNM ialah *Indeks Persidangan Malaysia* yang menyenaraikan kertas-kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan/Seminar/Bengkel tempatan.

Hanya beberapa indeks mengenai bidang tertentu telah dikeluarkan oleh institusi tempatan. Ini termasuk *Indeks Majalah Dewan Bahasa, 1967-76*, keluaran DBP, 1981; *Indeks Keratan Suratkhbar, 1978-82*, keluaran Lembaga Perancang Keluarga Negara Malaysia, 1983; *Indeks harga pengguna untuk Semenanjung Malaysia*, keluaran Jabatan Perangkaan Malaysia, Nov. 1982-; *An index to Malaysia in history 1954-1979* terbitan Malaysian Historical Society, 1981 dan *Index to Federal laws ...* terbitan Jabatan Percetakan Negara.

Satu lagi karya rujukan penting ialah abstrak. Abstrak keluaran tempatan kebanyakannya telah diusahakan oleh Universiti-universiti tempatan dan Pusat-pusat Penyelidikan. Mardi mengeluarkan *Abstracts of Mardi Publications*; RRIM mengeluarkan *Abstracts of theses of RRIM Staff on post-graduate programme 1973-1978*; dan IMR pula mengeluarkan *Abstracts IMR Scientific Meet-*

* Ketua Bahagian Rujukan, Perpustakaan Negara Malaysia (Sehingga 1 Nov. 1988) dan kini memegang jawatan sebagai Ketua Bahagian Latihan.



ings, 1978-. Di kalangan Universiti, USM mengeluarkan *Abstrak-abstrak tesis dan latihan akademik Pusat Pengajian Sains Farmasi Universiti Sains Malaysia 1974/75-1982/83*; UKM mengeluarkan *Abstrak Botani 1, 1981*; dan *Abstrak latihan ilmiah komunikasi 1980-84* pada tahun 1986; UPM pula mengeluarkan *Abstrak tulisan pegawai-pegawai Universiti Pertanian Malaysia 1971-1978* dan *Abstrak buah-buahan Malaysia, 1980*.

Selain daripada kamus Bahasa Malaysia, penerbit-penerbit tempatan banyak menerbitkan kamus dwibahasa sama ada Bahasa Malaysia: Bahasa Inggeris atau Bahasa Inggeris: Bahasa Malaysia dan kamus kedua-dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia/Inggeris: Inggeris/Bahasa Malaysia dan sebaliknya. Terdapat juga *Kamus Pustaka: Melayu Arab* oleh Abu Abdul Latif Al-Syeikh Ahmad bin Othman dan kamus Fajar: *Rumi- Jawi* terbitan Fajar Bakti. Kata-kata seerti atau sinonim atau antonim juga ada dikeluarkan. *Kata-kata Setara Bahasa Malaysia* telah diterbitkan oleh Penerbitan Adabi pada tahun 1979.

Dalam bidang ensiklopedia terdapat lima buah judul yang telah diterbitkan dalam tahun 60-an dan 70-an iaitu *Ensaiklopedia Perintis*, terbitan DBP 1970-76; *Ensaiklopedia Sains* juga keluaran DBP 1965-1979; *Ensaiklopedia Kebangsaan*, terbitan Titiwangsa 1975; *Ensaiklopedia dualiran: Bahasa Malaysia dan Inggeris, 24 jilid*, terbitan Preston Corp., 1975 dan *Ensaiklopedia dunia kita* terbitan Macmillan, 1979. Kelima-lima judul ensiklopedia ini melainkan *Ensaiklopedia dualiran ...* merupakan ensiklopedia yang sesuai untuk peringkat kanak-kanak dan remaja. Satu lagi ensiklopedia sesuai untuk kanak-kanak/remaja ialah *Ensaiklopedia bergambar untuk remaja* terbitan Fidaline 1982. Jelas di sini belum ada lagi ensiklopedia yang diusahakan oleh penerbit tempatan dalam bidang tertentu sesuai untuk peringkat dewasa.

Hampir kesemua istilah yang diterbitkan di negara telah dikeluarkan oleh DBP dalam berbagai bidang perkara. Dalam tahun 1960-1987 DBP telah menerbitkan sebanyak 68 buah buku istilah dan pada tahun 1987 sebanyak 8 buah buku istilah telah diterbitkan iaitu *Istilah Matematik Pengajian Tinggi*; *Istilah Kejuruteraan*; *Istilah Fizik Pengajian Tinggi*; *Istilah Kimia Pengajian Tinggi*; *Istilah Perubatan*; *Istilah Pentadbiran Perniagaan*; *Istilah Ekonomi Pengajian Tinggi* dan *Istilah Drama dan Teater*.

Handbooks atau Buku-buku Panduan dapat memberi maklumat yang ringkas dan lengkap dalam satu perkara. Tidak banyak handbooks keluaran tempatan yang terdapat di pasaran. Ini termasuk 6 judul *Handbook of Cricket, Football, Hockey, Rugby, Squash rackets* dan *Table tennis* yang diterbitkan oleh Group Publishers; *Handbook of company secretaries* oleh Eastern Universities Press *Malaysian customs and excise handbook*, terbitan MDC Sdn Bhd., *Annual companies handbook* keluaran KLSE dan *Handbook of Buddhists* keluaran Buddhist Missionary Society pada tahun 1971.

Directory atau Panduan juga dapat memberi sumber

rujukan yang penting. Di Malaysia banyak judul directory yang diterbitkan dalam bidang perniagaan, perdagangan dan perusahaan. Ini termasuk *Directory of American, Australian and British Business in Malaysia* oleh Embassy Pub; *Malaysia business directory*, *Panduan alamat perniagaan usahawan bumiputera*, *Trade Index of Malaysia Kompas Buku Merah* dan *FMM directory*. Lain-lain panduan dalam bidang tertentu termasuk *ABC media directory* bagi industri pengiklanan; *Directory of the Association of Consulting Engineers Malaysia*, *Panduan Bangunan* oleh Persatuan Akitek Malaysia; *Panduan Telefon*, *Panduan Teleks Malaysia*; *Panduan Pejabat Pos*; *Panduan Pustakawan Malaysia dan Panduan Perpustakaan di Malaysia*; *Panduan Jalan* oleh Pemetaan Negara dan *Panduan Piawai Malaysia*.

Tiga lagi karya rujukan yang perlu disebut di sini ialah biografi, atlas dan panduan perjalanan (travel-guides). Biografi umum Malaysia yang terkenal ialah *Who's Who in Malaysia and Singapore* yang telah diterbitkan semenjak tahun 1955 lagi. Ia menyenaraikan riwayat hidup orang perseorangan yang terkenal di Malaysia. Selain daripada itu ia juga memasukkan biografi Agong, Sultan-Sultan, Yang DiPertuan Negeri dan Governor, Lord President Malaysia, Presiden dan Speaker Parlimen dan Menteri-Menteri dalam Kabinet. Biografi-biografi lain termasuk *Who's Who in Sports in Malaysia and Singapore*; *Wajah: biografi seratus penulis: A biography of Malaysian Writers* terbitan DBP dan *Biografi Wanita Malaysia* terbitan Peritiwi. Selain daripada biografi umum dan mengenai bidang tertentu banyak buku-buku riwayat hidup orang perseorangan yang terkenal dalam bidang politik dan penulisan yang telah diterbitkan.

Pihak DBP telah berjaya menerbitkan atlas yang sesuai untuk sekolah rendah, menengah dan orang awam. Judul-judulnya termasuk *Atlas Kebangsaan, 1977*; *Atlas rendah Dewan, 1977* dan *Atlas Dewan baharu untuk Sekolah Menengah, 1977*. Terdapat juga penerbit swasta yang menerbitkan atlas seperti *Atlas untuk sekolah rendah Malaysia* oleh McGraw Hill, 1970; *Atlas rendah baharu Malaysia* oleh Collins-Longman, dan *Atlas progresif Oxford/Philip* oleh Fajar Bakti, 1977.

Panduan-panduan perjalanan yang diterbitkan di Malaysia kebanyakannya dikeluarkan oleh pihak TDC. Ini termasuk *Malaysia travel manual*; *Great value holidays in Malaysia*; *Around Malaysia*; *Malaysia Travel scene* dan *Malaysia Travel planner*. Terbitan lain termasuk *Salam* oleh Malaysian Association of Hotels; *Papineau's guide to Malaysia*; *Malaysia dan Jalan-jalan: images of Malaysia* kedua-duanya oleh Hans Hofer.

Perpustakaan Yang Mempunyai Koleksi Malaysiana

Hampir semua perpustakaan tempatan mempunyai bahan-bahan Malaysiana di dalam perpustakaan masing-masing walaupun mereka tidak menyediakan ruang khas bagi koleksi tersebut. Di Perpustakaan Negara Malaysia koleksi Malaysiana merupakan koleksi khas yang diperolehi



sebahagian besarnya melalui peruntukan Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1966 dan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986. Universiti Malaya mempunyai koleksi Malaysiana yang kukuh terutama dalam bidang bahasa, sastera dan budaya kebangsaan. Semua Universiti tempatan menyimpan latihan ilmiah, laporan projek dan tesis hasil kajian penuntut-penuntut mereka. Sementara semua Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri sedang giat membina koleksi negeri masing-masing.

Perpustakaan-perpustakaan khusus pula mempunyai bahan-bahan Malaysiana yang terdiri daripada terbitan-terbitan dan laporan-laporan Jabatan/Kementerian/Institusi berkenaan dan kertas-kertas kerja seminar selain daripada bahan-bahan dalam bidang pengkhususan mereka.

Berikut adalah sebahagian daripada perpustakaan yang mempunyai bahan-bahan Malaysiana dalam bidang perkara tertentu:-

Bidang Perkara	Perpustakaan
1. Pertanian, Perhutanan Perikanan dan Sains Veteriner	UPM, MARDI, FRIM, Kementerian Pertanian, Institut Penyelidikan Haiwan, Ipoh; Institut Penyelidikan Perikanan, Pulau Pinang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.
2. Kejuruteraan, Senibina dan ukur bahan.	JKR, UTM, UM dan ITM.
3. Ekonomi	MIDA, SERU, Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelarasan dan Perlaksanaan, JPM dan Bank Negara.
4. Perdagangan dan Perindustrian	Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, MEXPO, MIDA, Lembaga Padi dan Beras Negara dan Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah.
5. Perangkaan	Jabatan Perangkaan Malaysia, MEXPO dan PNM.
6. Pekeliling dan Surat Pekeliling Kerajaan	JPA, Perbendaharaan dan Bahagian Kabinet JPM.
7. Akta-akta Malaysia	Jabatan Peguam Negara.
8. Kesihatan dan Perubatan	Kementerian Kesihatan, IMR, UM, UKM dan Institut Kesihatan Umum
9. Buruh dan yang berkaitan	Kementerian Buruh dan Jabatan Tenaga Rakyat.
10. Bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan.	DBP, Arkib Negara, UM, UKM.
11. Sejarah dan Politik	Arkib Negara, UM, UKM, PNM, Kementerian Luar Negeri dan Bahagian Kabinet, JPM.
12. Islam	Pusat Islam, UM, UKM, UIA.
13. Ketenteraan dan Keselamatan	Perpustakaan Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan.

Pangkalan Data Berkomputer Tempatan

Selain daripada bahan bercetak Malaysiana terdapat juga beberapa pangkalan data berkomputer yang diwujudkan untuk kegunaan Jabatan atau organisasi tertentu yang perlu diketahui. Sungguhpun ia tidak boleh diakses secara 'on-line' melainkan Pangkalan data Piawai-an Malaysia dan Paten Malaysia yang disediakan oleh pihak SIRIM ia merupakan sumber yang penting bagi

mendapatkan maklumat tertentu. Usaha yang gigih perlu dijalankan untuk menyebarkan maklumat yang terkandung dalam pangkalan-pangkalan data yang disediakan dengan membenarkan institusi lain mengaksesnya. Berikut ialah di antara pangkalan-pangkalan data berkenaan:-

Bernama menyediakan beberapa perkhidmatan secara on-line yang boleh dinikmati secara langganan. Di bawah



Jabatan Kerajaan	Nama Pangkalan Data
1. Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian Pertanian Malaysia	Daisy dan Dairy - mengenai pengurusan ternakan.
2. Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia	SIKAP dan KEJARA - sistem Informasi kenderaan dan Lesen Pemandu; Keselamatan Jalan raya.
3. Jabatan Perancang Bandar dan Desa.	Low-cost housing schemes
4. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.	Private developers and New villages.
5. Kementerian Kewangan	Housing loan database system, Malaysian Road record information, Insurance industry database.
6. Kementerian Belia dan Sukan	Pertubuhan serta badan-badan sukarela.
7. Perpustakaan Negara Malaysia	Periodicals, Newspapers.
Badan Berkanun	
1. Dewan Bahasa dan Pustaka	Linguistic database
2. RISDA	Maklumat Pekebun Kecil
3. MARDI	Sistem Maklumat Pertanian dan Sistem Rujukan Penyelidikan
4. SIRIM	Piawaian Malaysia, Paten Malaysia, Pembekal Teknologi, Kepakaran, Pembekal Peralatan dan Mesin, Biblio: penyebaran maklumat terpilih dan Profiles teknologi pembuatan.
5. USM	MALMARC, MIDAS bib, MIDAS W Mismatch.

perkhidmatan BERNAMA LIVECOM terdapat pangkalan data LIVESHARES, LIVEBASES dan LIVE CHARTS ketiga-tiganya memberi maklumat dagangan saham di BSKL dan maklumat mengenai syarikat-syarikat yang tersenarai di BSKL. Sementara Bernama Executive Report memberi laporan perdagangan bursa-bursa saham, bursa komoditi utama dan pasaran kewangan dunia.

Sementara Perkhidmatan Telita (Telekom, Lihat dan Tahu) iaitu perkhidmatan videotek yang disediakan oleh Syarikat Telekom Malaysia mengandungi berbagai maklumat yang disediakan oleh 12 Pembekal Maklumat. Oleh kerana perkhidmatan ini masih dalam tempoh percubaan, penggunaannya adalah terhad kepada Pembekal Maklumat, Sub-Pembekal Maklumat dan ahli organisasi mereka dan lebih kurang 100 orang pengguna. Dijangka penggunaan akan lebih meluas apabila perkhidmatan ini dibuka kepada orang ramai dalam tahun ini.

Penerbitan-penerbitan Malaysia

Pada tahun 1987 Perpustakaan Negara Malaysia telah menerima sebanyak 2,988 judul buku, kertas kerja seminar dan risalah daripada penerbit tempatan yang 28% adalah terdiri daripada buku-buku teks dan 40% terdiri daripada buku kanak-kanak. Selain daripada buku-buku teks dan buku cerita kanak-kanak yang mana sebahagian besar daripada penerbit-penerbit tempatan menerbitkannya, terdapat juga penerbit-penerbit utama yang menghasilkan terbitan bahan-bahan berbentuk rujukan termasuk ensiklopedia, kamus, buku-buku panduan dan buku-buku rujukan dalam satu-satu bidang tertentu seperti bahasa, kesusasteraan, sejarah, politik, ekonomi dan sebagainya. Di antaranya ialah DBP, Berita Publishing, Longman Malaysia, Federal Publications, Penerbit Fajar Bakti dan Pustaka Delta. Malaysian Law Publishers merupakan satu-satunya penerbit yang menerbitkan berbagai terbitan un-



dang-undang di negara ini. Berdasarkan kepada statistik permohonan untuk mendapatkan ISBN dan maklumat daripada borang pendaftaran terbitan yang diserahkan di bawah Akta penerbit-penerbit yang banyak menghasilkan terbitan pada tahun 1987 ialah DBP, Penerbitan Fajar Bakti, Jabatan Pemetaan Negara, Berita Publishing, International Book Service, Penerbitan Sri Maju dengan buku teksnya dan Pelanduk Publications dengan buku mengenai politik, ekonomi, sejarah, sastera dan buku teks.

Berikut ialah Jadual I yang menunjukkan jumlah judul buku dan risalah yang diterima di bawah Akta mengikut Bahasa dan Jadual II menunjukkan Judul buku dan risalah yang diterima di bawah Akta mengikut perkara.

Jadual I
Jumlah judul buku dan risalah yang diterima di bawah Akta mengikut bahasa.

Bahasa	1985	1986	1987
Bahasa Malaysia	1,458	1,943	1,930
Bahasa Inggeris	876	966	789
Bahasa Cina	129	163	75
Bahasa Tamil	30	14	27
Lain-lain	61	311	167
Jumlah	2,554	3,397	2,988

Jadual II
Judul buku dan risalah yang diterima di bawah Akta mengikut Perkara

Perkara	Tahun		
	1985	1986	1987
1. Umum	57	68	45
2. Falsafah dan psikologi	11	17	8
3. Agama	187	394	259
4. Sains Kemasyarakatan	696	809	556
5. Filologi, bahasa dan linguistik	418	563	593
6. Sains Tulen	266	369	339
7. Sains Gunaan	341	423	345
8. Kesenian	77	131	44
9. Kesusasteraan	349	445	636

10. Ilmu Alam, sejarah dan biografi	152	178	163
Jumlah	2,554	3,397	2,988

Masalah-masalah

Perpustakaan Negara melalui Bahagian Rujukannya memberi perkhidmatan rujukan untuk memenuhi keperluan maklumat ahli penyelidik dan orang ramai serta bekerjasama dengan Kementerian/Jabatan, Perpustakaan dan institusi lain bagi tujuan tersebut. Ini adalah untuk memenuhi peruntukan Akta Perpustakaan Negara Malaysia (Pindaan) 1987 fasal 4(2) (e) yang salah satu tugas Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia ialah "menyediakan perkhidmatan rujukan, maklumat, perujukan, reprografi dan pinjaman".

Sehubungan dengan perkhidmatan ini purata Bahagian Rujukan menerima 600 pembaca setiap hari yang terdiri daripada penuntut sekolah menengah, kolej dan Universiti, kakitangan Kerajaan dan badan berkanun; swasta dan orang perseorangan. Selain daripada itu Bahagian Rujukan juga mengendalikan pertanyaan-pertanyaan rujukan melalui telefon, surat, kunjungan peribadi, teleks dan Telita yang mana kebanyakannya diterima daripada Jabatan Kerajaan dan badan berkanun, firma dan perpustakaan-perpustakaan dalam negeri. Pertanyaan-pertanyaan ini terdiri daripada soalan yang memerlukan maklumat yang mudah didapati kepada yang memerlukan pencarian maklumat yang panjang dan melibatkan penggunaan berbagai sumber rujukan.

Di antara masalah utama yang dihadapi oleh Pegawai-pegawai iktisias Bahagian Rujukan ialah ketiadaan bahan yang diperlukan oleh pembaca. Ini adalah lebih ketara bagi keluaran-keluaran terbitan bersiri yang tidak lengkap kerana penerbit tidak menyerahkannya, kertas seminar yang tidak diserahkan atau hanya terdapat senaskhah sahaja dan tersimpan pula di dalam Koleksi Negara di Bangunan yang berasingan iaitu Kompleks Bukit Naga dan buku-buku yang baru diterbitkan dan memerlukan masa untuk memperolehi dan memprosesnya. Ini adalah berkait rapat dengan harapan yang tinggi di kalangan pembaca mengenai koleksi Malaysiana bahawa apa sahaja maklumat/penerbitan yang diperlukan mengenai Malaysia telah sedia ada dalam koleksi dan keperluan perkhidmatan yang cepat.

Masalah yang kedua ialah kurangnya pengetahuan yang cukup mengenai berbagai sumber rujukan yang ada dan isi kandungannya dan tidak mengetahui judul-judul baru yang diterbitkan. Oleh itu masa yang diambil untuk mengesan satu-satu maklumat akan lebih panjang.

Perlu dinyatakan di sini bahawa Perpustakaan Negara tidak mempunyai 'clientele' yang tertentu tetapi terbuka luas kepada orang ramai dari pelbagai latar belakang, minat dan disiplin. Dengan itu pertanyaan rujukan yang



dikemukakan juga berbagai. Tetapi pegawai-pegawai yang mengendalikan pertanyaan rujukan bukannya pakar/mempunyai pengkhususan dalam satu-satu bidang perkara untuk mengendalikannya dengan lebih berkesan, tepat dan cepat. Pengetahuan mereka hanya dapat dibina dengan pengalaman bekerja dan ini juga tertakluk kepada faktor pertukaran kakitangan yang agak kerap berlaku.

Seperkara lagi yang juga berkait dengan kenyataan di atas ialah terdapat pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan tidak jelas yang memerlukan temubual rujukan yang panjang untuk mengetahui soalan sebenar atau menggunakan judul-judul popular di kalangan satu-satu disiplin yang tertentu. Misalnya Barne's report - entri dikatalog ialah 'Committee on Malay Education Report' dan Laporan fenn-Wu - entri dikatalog ialah 'Chinese schools and the education of Chinese Malaysians...'. Juga terdapat maklumat-maklumat yang diperlukan tersembunyi dalam bahan-bahan bacaan dan ia memerlukan masa untuk mencarinya kerana ia tidak terdapat dalam satu-satu sumber rujukan.

Masalah yang terakhir tetapi amat penting ditonjolkan di sini ialah peraturan-peraturan yang ketat yang diamalkan oleh sesebuah perpustakaan dan sikap setengah-setengah pustakawan dalam perkongsian bahan perpustakaan mereka banyak memberi kesan kepada perkhidmatan yang memuaskan kepada pembaca.

Cadangan Dan Penutup

Berlandaskan faktor-faktor yang telah disebutkan di atas, satu senarai karya-karya rujukan tempatan perlu diterbitkan segera oleh Perpustakaan Negara Malaysia dengan senarai tambahan dikeluarkan pada kekerapan yang tertentu. Ini boleh menjadi panduan dan makluman kepada semua perpustakaan di Malaysia.

Kedua, bagi membolehkan Perpustakaan Negara Malaysia berperanan sebagai Pusat Penyerahan Negara seperti yang diperuntukan dalam Akta Penyerahan bahan Perpustakaan 1986 dan koleksi Malaysiana yang boleh dibanggakan sebagai tumpuan penyelidik tempatan dan luar negeri, peruntukan Seksyen 4(1) perlu dikuatkuasakan di mana penerbit perlu menyerahkan tiap-tiap bahan perpustakaan bercetak yang diterbitkan di Malaysia diserahkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia dalam mana satu bulan dari tarikh penerbitan dan bagi terbitan bersiri dalam masa satu minggu dari tarikh penerbitan dan peruntukan Seksyen 4(3)(4) dan (5) bagi penerbit-penerbit yang gagal menyerahkan bahan-bahan tersebut.

Akhir kata perpustakaan di Malaysia perlu mengikis sikap memikirkan kepentingan perpustakaan mereka sendiri sahaja. Peraturan-peraturan yang terlalu ketat perlu disesuaikan dengan keadaan. Tidak ada sebuah perpustakaan pun yang mempunyai koleksi yang lengkap untuk memenuhi keperluan penggunaannya. Dengan itu perkongsian sumber-sumber maklumat di kalangan perpustakaan di Malaysia ini adalah sangat penting. Ia tidak patut dijadikan batu penghalang kepada penyelidikan dan perkhidmatan rujukan dan pertanyaan rujukan yang baik dan berkesan.

Rujukan

1. Panduan Kekukuhan Koleksi Perpustakaan. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1987.
2. Pangkalan Data Malaysia: satu panduan sumber institusi. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, (akan terbit).
3. Panduan urusniaga buku Malaysia 1986/87.
4. Akta Penyerahan bahan perpustakaan, 1986.
5. Akta Perpustakaan Negara (Pindaan), 1987.
6. Berita Peristilahan, bil. 6. Dis 1987. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

